DSKP SP 3.6.1 Menulis dan mengolah maklumat daripada bahan prosa **(urutan peristiwa)** kepada puisi **(pantun)**

Aktiviti

1. Baca urutan peristiwa di bawah dengan teliti
2. Murid perlu **melengkapkan** setiap rangkap pantun dengan ayat yang menarik
3. Bagi peristiwa 3 & 4, murid perlu **selitkan** perkataan yang digariskan dalam rangkap pantun

| | |
|---|---|
| Muaz dan Ravin lalu di hadapan rumah Pak Samad. Mereka menyapa Pak Samad yang sedang mengopek kelapa. Muaz melihat banyak sabut kelapa yang dibuang begitu sahaja oleh Pak Samad. Muaz bercadang untuk menggunakan sabut kelapa yang dibuang itu semula | Tatkala melihat sabut kelapa, a<br>Sedih membuang begitu sahaja, a<br>____________________ a<br>____________________ a |
| Muaz mendapat idea. Dia mencadangkan agar mereka berdua mencipta sesuatu menggunakan sabut kelapa itu sebagai bahan utama. Hal ini dikatakan demikian kerana sabut kelapa mudah didapati dan tahan lasak. | ____________________ a<br>____________________ b<br>Sabut kelapa mudah dicari, a<br>Tahan lasak kekuatan sifatnya. b |
| Mereka mencipta **karpet kereta** menggunakan sabut kelapa sebagai salah satu bahan utama. Setelah mengikut langkah-langkah penghasilan karpet sabut kelapa, akhirnya terciptalah produk inovasi mereka. Karpet yang dihasilkan sungguh **menarik.** | |
| Muaz dan Ravin menyertai **pertandingan** inovasi yang bertempatkan di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor. Produk inovasi mereka yang unik dan berkualiti itu berjaya memikat hati para juri. Mereka telah dinobatkan sebagai **johan** pertandingan tersebut. Mereka sangat gembira. | |

LIVEWORKSHEETS